

20/03/1999

Osu umum barisan Kabinet hari ini

KOTA KINABALU, Jumaat - Senarai penuh menteri Kabinet Sabah, timbalannya serta enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dilantik sudahpun siap dan akan diumumkan selepas upacara mengangkat sumpah, esok.

Semua mereka terbabit akan mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri pada jam 9 pagi, kata Ketua Menteri, Datuk Osu Sukam.

Osu berkata demikian pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sekembalinya daripada mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pemimpin Barisan Nasional (BN) di Kuala Lumpur, hari ini.

Beliau berkata, satu sidang akhbar khas akan diadakan bagi mengumumkan nama Adun yang diberi jawatan mengikut kementerian di negeri itu.

Ada 10 jawatan menteri penuh termasuk tiga Timbalan Ketua Menteri daripada Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina manakala 14 jawatan Pembantu Menteri.

Ditanya adakah nisbah lima bagi Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam (tiga) dan Cina (tiga) akan digunakan semula sebagaimana sebelum ini, Osu bagaimanapun enggan memberi pengesahan sehingga sidang akhbar dibuat mengenai hal itu.

Menurutnya, senarai itu akan mewakili semua kaum di Sabah dan ia dilaksanakan mengikut semangat BN.

"Walaupun semua parti mengemukakan cadangan tetapi keputusan dibuat berdasarkan semangat BN yang mewakili semua kaum di negeri ini serta dilaksanakan bagi memastikan ia memberi manfaat kepada rakyat Sabah seluruhnya.

"Saya berharap semua pihak iaitu anggota komponen parti politik dalam BN akan bersetuju dengan senarai Kabinet yang diumumkan kelak," katanya.

Semua yang dilakukan, katanya bertujuan memastikan ia adalah untuk kebaikan negeri dan rakyat, sehubungan itu wawasan BN dibuat berdasarkan ke arah pembangunan.

Beliau berkata, satu mesyuarat khas Kabinet akan diadakan selepas majlis angkat sumpah bagi membincangkan secara khusus wawasan serta pelaksanaan semua pelan pembangunan, pentadbiran dan pengurusan negeri yang dirancang.

Mengenai kemungkinan Parti Bersatu Sabah (PBS) menyertai semula BN, katanya perkara itu sudahpun diputuskan sebelum pilihan raya lagi. Sehubungan itu soal PBS masuk semula dalam BN tidak timbul.

(END)